

BAYARAN CAJ PENDAFTARAN VAKSIN

1. Pemohon yang ingin mendaftarkan/ memperbaharui pendaftaran vaksin perlu membuat pembayaran berdasarkan kepada caj yang dikenakan iaitu;

Perkara	Yuran
Permohonan pendaftaran vaksin veterinar	RM 200.00
Perkhidmatan penilaian teknikal dosier	RM 800.00
Perkhidmatan penilaian teknikal oleh pegawai DVS sahaja (kajian lapangan)	
i. Vaksin/ biologik Monovalen	RM 2000.00
ii. Vaksin/ biologik Polivalen	RM 3000.00
iii. Vaksin/ biologik jenis bioteknologi (<i>Genetically modified</i>)	RM 4000.00
Pendaftaran (untuk vaksin yang diluluskan pendaftarannya oleh Jawatankuasa TACB)	RM 500.00
Pembaharuan pendaftaran (5 tahun sekali)	RM 350.00

2. Tempat Bayaran

Bayaran boleh dibuat kepada pegawai di Unit Kawalan Biologik dan Drug Veterinar.

3. Cara Bayaran

Bayaran perlu dibuat menggunakan bank deraf/ wang pos atas nama '**Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar**'. Resit akan dikeluarkan selepas bayaran diterima. Mana-mana bayaran yang dibuat tidak dikembalikan walaupun permohonan untuk mendaftarkan vaksin tersebut dibatalkan atau tidak diluluskan

4. Bayaran Permohonan Pendaftaran Vaksin

Bayaran perlu disertakan bersama-sama dengan dosier yang dihantar.

5. Bayaran Perkhidmatan Teknikal

Penilaian teknikal hanya akan bermula selepas bayaran penilaian teknikal diterima. Selepas penilaian asas telah selesai, pemohon akan diminta menjelaskan bayaran penilaian teknikal.

6. Bayaran Perkhidmatan Teknikal untuk Kajian Lapangan

6.1. Kajian lapangan hanya boleh dijalankan setelah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa TACB. Kelulusan menjalankan kajian lapangan akan dihantar kepada pihak syarikat.

6.2. Pemohon perlu mengisi borang dan membuat bayaran (mengikut kategori).

7. Bayaran Pendaftaran Vaksin

Bayaran pendaftaran vaksin dibuat selepas mendapat kelulusan pendaftaran sementara oleh Jawatankuasa TACB. Surat akan dihantar memaklumkan yang pemohon perlu membuat bayaran terlebih dahulu sebelum surat kelulusan vaksin dikeluarkan.

8. Bayaran untuk Pembaharuan Pendaftaran

Permohonan untuk memperbaharui pendaftaran vaksin hendaklah dikemukakan 3 bulan sebelum tarikh luput pendaftaran vaksin tersebut bersama dengan bayaran.